

## KESEDARAN DAN PENGLIBATAN KOMUNITI TEMPATAN DALAM MEMBANGUNKAN PRODUK PELANCONGAN LUAR BANDAR DI DAERAH KOTA MARUDU, SABAH

### *AWARENESS AND INVOLVEMENT OF LOCAL COMMUNITY IN DEVELOPING RURAL TOURISM PRODUCTS IN KOTA MARUDU, SABAH*

Jemmy Amanda Sipatau<sup>1</sup>

Jabil Mapjabil<sup>2</sup>

Ubong Imang<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
(E-mail: amandajr730@gmail.com)

<sup>2</sup>Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
(E-mail: jabil@ums.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
(E-mail: bongming@yahoo.com)

#### Article history

**Received date** : 19-11-2020

**Revised date** : 20-11-2020

**Accepted date** : 21-12-2020

**Published date** : 23-12-2020

#### To cite this document:

Jemmy Amanda Sipatau, Jabil Mapjabil & Ubong Imang (2020). Kesedaran dan penglibatan komuniti tempatan dalam membangunkan produk pelancongan luar bandar di daerah Kota Marudu, Sabah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 3(9), 34 - 51.

**Abstrak:** Daerah Kota Marudu memiliki pelbagai sumber semula jadi dan budaya yang berpotensi dibangunkan sebagai tarikan pelancongan luar bandar. Namun begitu, masalah seperti kurang tahap pengetahuan dan kemahiran komuniti tempatan menyebabkan berlaku keterbatasan penglibatan komuniti seterusnya potensi produk pelancongan yang ada tidak dapat dibangunkan secara optima. Artikel ini meneliti tentang kesedaran dan penglibatan komuniti tempatan dalam membangunkan produk pelancongan luar bandar di daerah Kota Marudu, Sabah. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik sebanyak 282 di empat buah kampung dalam daerah Kota Marudu iaitu Kampung Minansad, Kampung Tegudon, Kampung Tonsom dan Kampung Tulid. Terdapat dua aspek kategori utama penglibatan komuniti dalam membangunkan produk pelancongan luar bandar iaitu aktif dan pasif. Dalam konteks Kota Marudu, kajian pembangunan pelancongan luar bandar perlu dilakukan bagi mengenal pasti tahap kesedaran dan penglibatan komuniti dalam membangunkan produk pelancongan luar bandar di daerah tersebut. Ringkasnya, pelbagai inisiatif dan dasar perlu dijalankan secara praktikal serta holistik agar pelancongan luar bandar di daerah ini terus maju dan berdaya saing.

**Kata Kunci:** Penglibatan, Kesedaran, Komuniti tempatan, Pelancongan luar bandar

**Abstract:** *Kota Marudu has a variety of natural and cultural resources that have the potential to be developed as a rural tourism attraction. However, problems such as lack of knowledge and skills of the local community cause limited community involvement and the potential of existing tourism products can not be developed optimally. This article is to examine the awareness and involvement of the local community in developing rural tourism products in Kota Marudu District, Sabah. The research method used is a quantitative method by distributing 282 questionnaires in four villages in Kota Marudu district, namely Kampung Minansad, Kampung Tegudon, Kampung Tonsom and Kampung Tulid. There are two main categories of community involvement in developing rural tourism products, namely active and passive. In the context of Kota Marudu, a study of rural tourism development needs to be done to identify the level of awareness and involvement of the community in developing rural tourism products in the district. In short, various initiatives and policies need to be carried out practically and holistically so that rural tourism in this district continues to be developed and competitive.*

**Keywords:** *Involvement, Awareness, Local communities, Rural tourism*

## **Pengenalan**

Negeri Sabah memiliki kepelbagaian tarikan pelancongan sama ada budaya, alam sekitar mahupun struktur binaan manusia. Sehubungan dengan itu, sektor pelancongan luar bandar di Sabah dilihat berupaya untuk melonjak ke arah yang lebih tinggi pada masa hadapan dengan adanya pelan pembangunan sektor pelancongan yang komprehensif oleh pihak kerajaan. Menurut Aytuq dan Mikaeli (2017), kepentingan pelancongan telah diiktiraf secara meluas di peringkat global sebagai faktor penting dalam pembangunan kawasan luar bandar. Umumnya, pelancongan merupakan salah satu industri terpenting di kebanyakan negara maju bahkan di negara membangun kerana berupaya mengembangkan dimensi fizikal, ekonomi, sosial, budaya, politik dan teknologi (Hausman, 2001).

Lembaga Pelancongan Sabah (Sabah Tourism Board) adalah institusi yang bertanggungjawab dalam mempromosikan industri pelancongan di Sabah. Pihak kerajaan memperuntukkan sebanyak RM228 juta daripada bajet negeri seperti yang termaktub dalam Dasar Halatuju Kerajaan Negeri serta RM15 juta diperuntukkan dalam Bajet 2018 untuk memperkasa pelancongan luar bandar di samping mempelbagaikan destinasi menarik di negeri ini (Lembaga Pelancongan Sabah, 2019). Dalam Belanjawan Sabah 2021, kerajaan baharu di bawah pimpinan Ketua Menteri Sabah iaitu Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Mohd Nor telah memberikan tumpuan terhadap usaha pemulihan ekonomi negeri ekoran daripada pandemik COVID-19 dengani memperuntukkan sebanyak RM 125.45 juta untuk pembangunan luar bandar khususnya untuk projek pembasmian kemiskinan. Misalnya, Program Komuniti dan Ekonomi Desa serta Program Satu Daerah Satu Produk. Selain itu, dalam konteks pelancongan negeri, kerajaan adalah komited untuk memacu pembangunan sektor ekonomi yang terjejas termasuk pelancongan. Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM227.97 juta untuk merangsang kembali sektor pelancongan. Daripada jumlah tersebut, peruntukan dana untuk pelancongan luar bandar adalah sebanyak RM 17.02 juta (Kementerian Kewangan Malaysia, 2020).

Lembaga Pelancongan Sabah telah memulakan inisiatif pembangunan pelancongan desa bermula tahun 2014. Bahagian Produk Pelancongan telah ditubuhkan di bawah Lembaga

Pelancongan Sabah yang bermatlamat untuk mengenal pasti produk pelancongan yang berpotensi dibangunkan di kawasan luar bandar khususnya bagi setiap daerah di Sabah. Pada tahun 2015, Bahagian Produk Pelancongan ini telah memperkenalkan inisiatif pelancongan luar bandar kepada komuniti seperti di Tuaran (Kiulu), Ranau, Tambunan, Kota Belud (Kedamaian), Kudat, Keningau, Papar, Tawau, Lahad Datu dan Tenom. Tambahan itu, daerah Kota Marudu merupakan salah satu daerah yang termasuk dalam pelan strategi pembangunan pelancongan luar bandar di Sabah. Pada tahun 2016, Bahagian Produk Pelancongan di bawah Lembaga Pelancongan Sabah berkerjasama dengan Persatuan Pelancongan Kota Marudu (KOMTDA) untuk mengenal pasti potensi destinasi dan produk pelancongan serta meneliti penglibatan komuniti dalam membangunkan sektor tersebut selaras dengan pelan strategi pembangunan pelancongan luar bandar di negeri ini.

Penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan telah menjadi isu strategik dalam konteks pembangunan di luar bandar di Sabah amnya. Selaras dengan pelan pembangunan pelancongan luar bandar Sabah, usaha untuk membangunkan pelancongan adalah berasaskan kepada penglibatan komuniti tempatan (Lembaga Pelancongan Sabah, 2019). Kejayaan pembangunan pelancongan menghendaki penglibatan ahli komuniti tempatan sama ada dalam proses pengambilan keputusan mahupun faedah yang dibawa oleh pelancongan (Jaafar et al., 2015).

Sehubungan dengan itu, artikel ini meneliti tentang aspek kesedaran dan penglibatan komuniti tempatan dalam membangunkan produk pelancongan luar bandar. Kajian pembangunan pelancongan luar bandar ini perlu dilakukan bagi mengenal pasti aspek pelaksanaannya dalam memperkasa komuniti tempatan di daerah tersebut.

### **Persoalan dan Justifikasi Pemilihan Kawasan Kajian**

Persoalan utama yang mendorong kepada kajian ini dijalankan adalah berkaitan isu penglibatan komuniti tempatan dalam membangunkan produk pelancongan luar bandar di Daerah Kota Marudu, Sabah. Kota Marudu memiliki kepelbagaian sumber semula jadi, budaya dan warisan yang belum dibangunkan secara optima oleh komuniti tempatan. Hal ini disebabkan oleh keterbatasan pengetahuan komuniti dalam pembangunan pelancongan luar bandar. Terdapat empat kawasan kajian yang dipilih iaitu Kampung Minansad, Kampung Tegudon, Kampung Tonsom dan Kampung Tulid di Daerah Kota Marudu. Pemilihan kawasan kajian adalah disebabkan kampung tersebut sedang dan berpotensi dibangunkan oleh komuniti tempatan sebagai produk pelancongan luar bandar di Daerah Kota Marudu. Sehubungan dengan itu, dua persoalan kajian yang ingin dikaji iaitu, (i) sejauh manakah tahap kesedaran komuniti tempatan dalam pembangunan produk pelancongan luar bandar dan (ii) apakah bentuk penglibatan komuniti tempatan dalam membangunkan produk pelancongan luar bandar di Daerah Kota Marudu?

Justifikasi kajian ini adalah untuk menambah baik pelaksanaan pembangunan pelancongan luar bandar di Daerah Kota Marudu secara lebih holistik. Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memaparkan hasil kajian berkaitan isu ini dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan kepada pihak pemegang taruh berkenaan agar pembangunan pelancongan luar bandar di Daerah Kota Marudu lebih menjadi tumpuan pengunjung dan pelancong dengan berdaya saing.

## Tinjauan Literatur

### Konsep Pelancongan Luar Bandar

Dalam sejarah pelancongan, terdapat pelbagai perbezaan dan kriteria bagi menerangkan definisi pelancongan luar bandar. Perbezaan tersebut adalah disebabkan oleh kepelbagaian fokus para sarjana seperti aspek statistik, pentadbiran, pembangunan kawasan, fungsi wilayah, pertanian serta densiti populasi (Aytug & Mikaeli, 2017). Konsep pelancongan luar bandar adalah pelbagai dan ia alternatif kepada pelancongan massa yang dicirikan oleh kebanyakan orang yang ingin mencari pengalaman untuk bercuti di kawasan peranginan popular. Pelancongan alternatif digambarkan sebagai pelancongan khas iaitu biasanya memberi penekanan terhadap hubungan dan pemahaman tentang cara hidup penduduk tempatan dengan persekitaran semula jadi.

### Tipologi Penglibatan Komuniti Tempatan

Pretty (1995) telah membangunkan satu Tipologi Penglibatan Komuniti Tempatan yang terdiri daripada tujuh kategori penglibatan.

**Jadual 1: Tipologi Penglibatan Komuniti Tempatan Pretty**

<b>Kategori Penglibatan</b>	<b>Kriteria</b>
Penglibatan Manipulasi	Komuniti tempatan menjadi wakil kepada pihak pentadbiran tetapi mereka tidak diundi dan tidak mempunyai kuasa dalam membuat perancangan serta keputusan.
Penglibatan Pasif	Penglibatan komuniti tempatan hanya melalui pemberitahuan tentang apa yang berlaku dan yang telah berlaku. Ia merupakan pengumuman dari pihak pentadbir tanpa melibatkan maklum balas daripada penduduk tempatan. Komuniti biasanya terlibat secara tidak langsung (biasanya disuruh untuk membantu menjayakan sesuatu projek)
Penglibatan Perundingan	Komuniti tempatan terlibat secara perundingan. Pengkaji luar akan menentukan masalah dan alternatif penyelesaian, mendapat pandangan serta memperkenalkan beberapa penyesuaian terhadap maklum balas penduduk. Bagaimanapun, proses perundingan tidak memberi hak kepada penduduk untuk mempengaruhi pembuat keputusan. Pakar pembangunan yang terlibat turut tidak diwajibkan untuk mengambil kira pandangan komuniti tempatan semasa membuat keputusan.
Penglibatan Insentif	Penyertaan komuniti tempatan adalah didorong oleh insentif material yang bakal diterima oleh mereka. Contohnya, insentif berupa makanan, kewangan atau berbentuk material. Penyertaan akan tamat sekiranya insentif tersebut tidak diteruskan.
Penglibatan Fungsian	Komuniti tempatan terlibat melalui pembentukan satu kumpulan untuk memenuhi objektif yang berkaitan dengan penjimatan kos dalam projek yang akan dilaksanakan. Keputusan penting selalunya telah dibuat oleh agensi luar sebelum melibatkan komuniti tempatan.
Penglibatan Interaktif	Penglibatan komuniti tempatan adalah dilihat sebagai satu hak. Komuniti terlibat dalam mengekalkan struktur dan praktis projek pembangunan kerana mereka mengambil bahagian dalam membuat keputusan dan mempunyai hak dalam menentukan kegunaan sumber.

Penglibatan Kendiri	Komuniti tempatan terlibat dalam projek pembangunan melalui inisiatif masing-masing tanpa penglibatan institusi luaran. Komuniti tempatan berupaya untuk membina rangkaian dan kenalan dengan institusi luar untuk mendapatkan nasihat tentang kegunaan sumber dan teknikal yang diperlukan tanpa hilang kawalan penggunaan sumber kepada orang luar.
------------------------	---

Manakala menurut Tipologi Penglibatan Komuniti oleh Tosun (1999), terdapat tiga kategori penglibatan komuniti iaitu penglibatan aktif atau spontan, penglibatan yang diturunkan dan penglibatan paksaan.

**Jadual 2: Tipologi penglibatan komuniti Tosun (1999)**

Kategori Penglibatan	Kriteria
Aktif atau Spontan	Penglibatan secara langsung, terlibat dalam membuat keputusan dan perancangan sendiri.
Diturunkan	Penglibatan pasif dan kebanyakannya secara tidak langsung.
Paksaan	Penglibatan dalam pelaksanaan, tetapi tidak semestinya berkongsi faedah serta berada pada tahap tinggi tokenisme dan manipulasi.

Sumber: Diadaptasi daripada Tosun (1999)

### **Pelan Pelancongan Negeri Sabah**

Lembaga Pelancongan Sabah atau Sabah Tourism Board (STB) telah menyediakan Pelan Strategi 10 Tahun (2016 – 2026) yang diimplementasikan daripada Program Upscaling The Malaysian Homestay Experience (2017 – 2026) sebagai dasar utama dalam pembangunan pelancongan luar bandar di negeri Sabah (Sabah Tourism Board, 2018). Menurut Lembaga Pelancongan Sabah, strategi ini terbahagi kepada empat peringkat iaitu peringkat pertama (2016) yang melibatkan usaha memberi persediaan kepada komuniti tempatan terhadap pembangunan pelancongan luar bandar iaitu termasuklah memberi pendedahan, pendidikan serta persediaan dalam memperkasakan komuniti terhadap pembangunan yang akan dijalankan.

Pada peringkat kedua (2017 – 2019) merupakan usaha untuk membangunkan pelancongan yang lestari berasaskan komuniti tempatan. Perhatian diberikan terhadap langkah membangunkan, merancang dan mengurus organisasi dalam komuniti tempatan, mengenal pasti serta mewujudkan kepimpinan atau *local champion* yang berpotensi dalam komuniti. Di samping itu, pada peringkat ini, pelaksanaan pelan dan reka bentuk kualiti produk akan dijalankan. Seterusnya, pada peringkat ketiga (2020 – 2022) melibatkan usaha untuk mengekalkan pelancongan lestari berasaskan komuniti tempatan iaitu dengan membangunkan perkongsian antara pihak berkepentingan, mengenal pasti permintaan pasaran serta membangunkan strategi pemasaran. Akhir sekali, pada peringkat keempat (2023 – 2026) iaitu mencapai tahap matang dalam pembangunan kelestarian pelancongan berasaskan komuniti tempatan secara optimum. Namun, usaha untuk memperkasakan komuniti akan terus dilaksanakan secara konsisten.





Rajah 1: Pelan Strategi 10 Tahun (2016 – 2026) Pelancongan Luar Bandar Sabah

Sumber: Diubah suai dari Lembaga Pelancongan Sabah (2019).

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan penerokaan (*exploratory approach*). Menurut Veal (2006), penerokaan bertujuan untuk menemui, menggambarkan atau memetakan corak tingkah laku di kawasan atau aktiviti yang belum pernah dikaji sebelumnya. Tambahan itu, penyelidikan penerokaan dijalankan apabila sesuatu topik perlu difahami secara mendalam, terutamanya jika ia belum dijalankan sebelum ini. Ia adalah pendekatan kajian yang sangat sesuai untuk memahami sesuatu isu atau masalah dengan baik.

Sehubungan dengan itu, reka bentuk kajian (*research design*) ini adalah berasaskan pendekatan deskriptif untuk memahami fenomena dan isu yang dikaji dengan lebih khusus dan berskala tempatan. Kaedah utama yang diguna adalah kaedah kuantitatif iaitu data dikumpul melalui pengedaran borang soal selidik. Seramai 282 orang responden telah dipilih secara rawak dalam kajian ini di empat buah kampung iaitu Kampung Minansad, Kampung Tegudon, Kampung Tonsom dan Kampung Tulid. Data yang diperolehi akan dianalisis dalam bentuk statistik deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah. Di samping itu, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan menemu bual enam orang informan. Pengkaji turut menggunakan data sekunder untuk menyokong data primer yang dikumpul. Antara sumber data sekunder yang digunakan adalah laporan rasmi dan laman web yang berkaitan dengan isu yang dikaji.

### Hasil Kajian

Jadual 3 menunjukkan profil demografik responden. Dari aspek jantina responden, majoriti adalah perempuan iaitu sebanyak 58.20% atau seramai 164 orang responden. Manakala, sebanyak 41.80% atau seramai 118 orang responden adalah lelaki. Untuk kategori umur, rata-rata responden adalah dalam lingkungan umur pertengahan. Peratusan tertinggi responden adalah dalam kategori umur 31 hingga 40 tahun dengan seramai 121 orang responden (42.90%). Manakala, kumpulan responden mencatatkan nilai terendah adalah dalam lingkungan umur 18 hingga 20 tahun adalah sebanyak 5.00% iaitu seramai 14 orang responden sahaja. Julat perbezaan antara kategori umur adalah agak besar. Bagi golongan umur 21 hingga 30 tahun mencatatkan 23.80% iaitu seramai 67 orang responden. Manakala, kategori responden yang berumur 41 hingga 50 tahun adalah seramai 44 orang responden atau 15.60%. Bagi kategori 51 tahun hingga 60 tahun seramai 36 orang responden (12.80%).

Bagi bangsa responden, majoriti adalah dalam kalangan penduduk yang berbangsa Dusun iaitu sebanyak 85.50% terdiri daripada 241 orang responden. Manakala, Kadazan adalah sebanyak 3.90% atau seramai 11 orang. Seterusnya, bagi golongan yang berbangsa Bajau, Melayu, Cina dan Rungus adalah masing-masing mencatatkan seramai 16 orang (5.70%) responden, 5 orang (1.80%) responden, 4 orang (1.40%) responden dan 5 orang (1.80%). Sehubungan dengan itu, kebanyakan responden mempunyai tahap pendidikan menengah (Tingkatan 1 hingga 5) iaitu seramai 136 orang responden (48.20%). Manakala, kumpulan di peringkat pendidikan informal mencatatkan nilai terendah iaitu sebanyak 12 orang responden (4.30%). Bagi responden yang mempunyai pendidikan rendah (Tahun 1 – 6) mencatatkan nilai iaitu sebanyak 17.00% atau seramai 48 orang orang responden. Seterusnya, di peringkat pendidikan (Pra-Universiti/Diploma) dan pengajian tinggi (Sarjana Muda/Sarjana/PHD) masing-masing mencatatkan 18.40% iaitu seramai 52 orang dan 12.10% atau 34 orang responden.

Untuk status perkahwinan, majoriti responden adalah berstatus sudah berkahwin iaitu 67.40% atau seramai 190 orang responden. Manakala, responden yang berstatus bujang pula sebanyak 86 orang iaitu sebanyak 30.50%. Status perkahwinan bagi duda/janda/balu mencatatkan peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 2.10% atau 6 orang responden. Dari segi pekerjaan pula, sebanyak 19.90% adalah responden bekerja sendiri iaitu seramai 56 orang responden. Manakala, usahawan atau berniaga sendiri dan suri rumah masing-masing mencatatkan seramai 55 orang responden (19.50%) dan 50 orang responden (17.70%). Ini diikuti dengan golongan responden bekerja di sektor swasta 44 orang responden (15.60%), sektor awam iaitu 33 orang responden (11.70%), pelajar iaitu 24 orang (8.50%) dan petani 20 orang (7.10%) .

**Jadual 1: Profil Demografik Responden**

<b>Ciri</b>	<b>Kriteria</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Jantina	Lelaki	118	41.80
	Perempuan	164	58.20
Umur	18 – 20 tahun	14	5.00
	21 – 30 tahun	67	23.80
	31 – 40 tahun	121	42.90
	41 – 50 tahun	44	15.60
	51 – 60 tahun	36	12.80
	Bangsa	Dusun	241
	Kadazan	11	3.90
	Bajau	16	5.70
	Melayu	5	1.80
	Cina	4	1.40
	Rungus	5	1.80
Pendidikan	Pendidikan Informal	12	4.30
	Peringkat Rendah	48	17.00
	Peringkat Menengah	136	48.20
	Peringkat Pra-U / Diploma	52	18.40
	Pengajian Tinggi	34	12.10
Status Perkahwinan	Bujang	86	30.50
	Berkahwin	190	67.40
	Duda/Janda/Balu	6	2.10

	Sektor Awam	33	11.70
	Sektor Swasta	44	15.60
	Bekerja Sendiri	56	19.90
Pekerjaan	Berniaga / Usahawan	55	19.50
	Pelajar	24	8.50
	Suri Rumah	50	17.70
	Petani	20	7.10

### **Kesedaran Komuniti Tempatan dalam Pelaksanaan Pembangunan Pelancongan Luar Bandar Daerah Kota Marudu**

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian tentang persepsi kesedaran oleh komuniti tempatan melalui pelaksanaan pembangunan produk pelancongan luar bandar di Daerah Kota Marudu. Skala bagi setiap item kesedaran ini dianalisis mengikut tafsiran skor min. Menurut Najib (1999), analisis skor berasaskan markah minimum satu item ialah 1 dan markah maksimum ialah 5. Penilaian skor min adalah 1.00 – 1.80 (Sangat Rendah), 1.81 – 2.60 (Rendah), 2.61 – 3.40 (Sederhana), 3.42 – 4.20 (Tinggi) dan 4.21 – 5.00 (Sangat Tinggi).

Berdasarkan Jadual 1.2, skor min yang menunjukkan nilai yang sangat tinggi adalah bagi pernyataan ‘komuniti tempatan perlu diberikan kemahiran dalam mengusaha produk pelancongan luar bandar di Kota Marudu’. Majoriti responden menyatakan ‘setuju’ dengan nilai peratus yang mencatatkan sebanyak 96.8% dan 0.04% ‘tidak setuju’. Hal ini kerana komuniti adalah masih kurang mendapat kemahiran dalam membangunkan produk pelancongan di Kota Marudu. Misalnya, kemahiran membuat kraftangan, pengurusan produk pelancongan dan lain-lain.

Selain itu, bagi pernyataan ‘komuniti tempatan perlu diberikan sokongan dalam bentuk kewangan dalam mengusaha produk pelancongan luar bandar di Kota Marudu’ turut mencatatkan nilai skor min yang sangat tinggi dengan nilai peratus 93.9% bagi ‘setuju’ dan 0.04% adalah ‘idak setuju’. Majoriti responden yang mengusaha produk pelancongan berdepan dengan masalah kekangan kewangan dan terdapat juga sebilangan responden yang berminat untuk megusaha produk pelancongan tetapi mengalami masalah kekurangan atau tiada bajet kewangan.

Seterusnya, bagi pernyataan ‘komuniti tempatan perlu memberi sokongan penuh terhadap pembangunan produk pelancongan luar bandar Kota Marudu’ serta ‘komuniti tempatan harus diberikan peluang bersuara dalam proses membuat keputusan untuk pembangunan pelancongan luar bandar di Kota Marudu’ juga mencatatkan skor min sangat tinggi, iaitu masing-masing mencatatkan nilai peratus 87.6% dan 89.7% bagi ‘setuju’.

Manakala, skor min yang sangat rendah adalah bagi pernyataan ‘komuniti tempatan cenderung melibatkan diri sebagai pekerja dalam pembangunan produk pelancongan luar bandar di Kota Marudu’ dengan nilai peratus 44.4% bagi ‘setuju’ dan 51.8% ‘tidak setuju’. Hal ini kerana responden yang terlibat dalam membangunkan produk pelancongan adalah mereka yang terlibat sebagai pengusaha dan sedikit sahaja yang bekerja dalam perkhidmatan pelancongan.



**Jadual 4: Kesedaran yang Diperolehi oleh Komuniti Tempatan melalui Pembangunan Produk Pelancongan Luar Bandar di Daerah Kota Marudu**

Pernyataan	Peratusan (%)					Min	Sisihan Piawai
	1	2	3	4	5		
1. Kota Marudu mempunyai pelbagai sumber yang berpotensi besar dijadikan sebagai produk pelancongan baharu yang menarik pelancong dari luar.	0.7	4.6	14.2	50.0	30.5	4.04	0.83
2. Terdapat pelbagai aktiviti dan program pelancongan luar bandar yang dijalankan di Kota Marudu.	2.8	39.4	8.5	39.7	9.6	3.14	1.12
3. Komuniti tempatan perlu memberi sokongan penuh terhadap pembangunan produk pelancongan luar bandar Kota Marudu.	2.1	3.2	7.1	49.6	38.0	4.46	3.46
4. Komuniti tempatan cenderung melibatkan diri sebagai pekerja dalam pembangunan produk pelancongan luar bandar di Kota Marudu.	11.7	40.1	3.9	35.5	8.9	2.90	1.25
5. Komuniti tempatan perlu terlibat lebih banyak dalam perancangan pembangunan pelancongan luar bandar di Kota Marudu.	0.7	3.2	26.6	45.4	24.1	3.89	0.83
6. Komuniti tempatan harus diberikan peluang bersuara dalam proses membuat keputusan untuk pembangunan pelancongan luar bandar di Kota Marudu.	0.7	2.8	6.7	47.5	42.2	4.28	0.77
7. Komuniti tempatan perlu diberikan sokongan dalam bentuk kewangan dalam mengusaha produk pelancongan luar bandar di Kota Marudu	0	0.4	5.7	36.5	57.4	4.51	0.64
8. Komuniti tempatan perlu diberikan kemahiran dalam mengusaha produk pelancongan luar bandar di Kota Marudu.	0	0.4	2.8	22.7	74.1	4.71	0.54

#### **Penglibatan Komuniti Tempatan dalam Membangunkan Produk Pelancongan Luar Bandar**

Jadual 5 menunjukkan nilai peratus komuniti tempatan yang terlibat dalam pembangunan produk pelancongan luar bandar di Daerah Kota Marudu, Sabah. Hasil analisis yang dilakukan, terdapat tiga kategori penglibatan responden iaitu aktif, pasif dan tiada penglibatan. Bagi penglibatan aktif mencatatkan sebanyak 96 orang atau 34.00%, manakala penglibatan pasif iaitu 63.80% atau seramai 180 orang. Bagi responden yang tidak terlibat adalah sebanyak 2.10% atau seramai 6 orang.

**Jadual 5: Kategori Penglibatan Komuniti Tempatan Dalam Membangunka Produk Pelancongan Luar Bandar**

Bil.	Bentuk Penglibatan	Bilangan	Peratus
1.	Penglibatan Aktif	96	34.00
2.	Penglibatan Pasir	180	63.80
3.	Tiada Penglibatan	6	2.10

#### Jenis Penglibatan Aktif

Dapatan kajian dalam Jadual 6 menunjukkan tiga bentuk utama penglibatan aktif komuniti tempatan dalam membangunkan ahli jawatankuasa persatuan pelancongan. Seramai 50 orang responden adalah golongan pengusaha produk pelancongan luar bandar di daerah Kota Marudu dengan nilai peratus adalah sebanyak 17.70%. Manakala, sebanyak 8.50% adalah responden sebagai pekerja dalam perkhidmatan produk pelancongan iaitu seramai 24 orang. Seterusnya, seramai 22 orang responden adalah mereka yang terdiri daripada pembuat keputusan, pemimpin projek serta ahli jawatankuasa persatuan pelancongan yang mencatatkan nilai sebanyak 7.80%.

**Jadual 6: Bentuk Utama Penglibatan Aktif Komuniti Tempatan**

Bil.	Bentuk Penglibatan Aktif	Bilangan	Peratus
1.	Pengusaha produk pelancongan	50	17.70
2.	Pekerja dalam perkhidmatan produk pelancongan	24	8.50
3.	Pembuat keputusan/ pemimpin projek/ ahli jawatankuasa persatuan pelancongan	22	7.80

#### Pengusaha Produk Pelancongan

Dalam bahagian ini, pengkaji telah meninjau beberapa produk pelancongan yang diusahakan oleh komuniti tempatan di kawasan kajian iaitu Kampung Minansad Kampung Togudon, Kampung Tonsom dan Kampung Tulid.

**Jadual 7: Perusahaan oleh Pengusaha Produk di Kawasan Kajian**

Kampung	Tarikan Fizikal	Tarikan Budaya	Tarikan Lain
1 Minansad	-	Tapak Budaya Walai Tobilung, Kraftangan	-
2 Togudon	Sungai Baliajong, Gua LuangMondou, Air Terjun Kolimpisaon	Geo Tapak Kinabalu, Geopark Kerak Lautan Kuno	-
3 Tonsom	Bukit Pancaran (Stesen TV)	Kraftangan (Pembuatan Simen <i>Ferro &amp; Hammock</i> )	Gerai Kacang Panggang
4 Tulid	Hidupan baya bakau, Sungai, Kelip-kelip	Homestay, Taman rekreasi	Berkayak (menelusuri sungai ke Teluk Marudu), Memancing, Berkhemah

#### (a) Kampung Minansad

Bagi kawasan kajian iaitu Kampung Minansad, produk pelancongan yang utama adalah Walai Tobilung iaitu merupakan Rumah Tradisi bagi suku kaum Dusun Tobilung. Penduduk Kampung Minansad telah membangunkan rumah tradisi ini sejak tahun 2010 iaitu bertujuan

untuk mengumpul dan mempamerkan budaya Tobilung serta sebagai satu monumen yang melambangkan kewujudan etnik tersebut di persada dunia khususnya di Sabah. Rumah tradisi tersebut menawarkan pengalaman budaya dan warisan Tobilung serta alam semula jadi. Di samping itu, rumah tradisi ini merupakan tapak budaya untuk menjalankan demonstrasi kebudayaan termasuk perkahwinan suku kaum Tobilung kepada pengunjung yang datang serta menjual produk kraftangan tempatan dan penginapan. Rumah tradisi tersebut mempunyai keunikannya tersendiri kerana bahan binaan daripada hasil hutan (kayu, bambu dan rotan). Walai Tobilung mempunyai struktur rumah terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu Tingkang, Sirang dan Dopuon (bilik tidur).



**Rajah 2: Rumah Tradisi Walai Tobilung**

Selain itu, terdapat juga produk seperti kraftangan yang diusahakan oleh penduduk tempatan kampung Minansad seperti hasil tenunan asli etnik iaitu Langkit dan Sulat. Langkit dihasilkan melalui proses menyimpul kait benang secara selang-seli iaitu kebiasaannya ditenun oleh kaum wanita dengan menggunakan jarum khas dan benang kapas yang terdiri daripada pelbagai warna. Pemilihan warna adalah berdasarkan motif dan corak yang berunsurkan tumbuh-tumbuhan, bentuk dan bintang. Langkit akan dipasang pada pakaian tradisi iaitu Sinurangga (baju wanita) dan Sinulatan (skirt wanita). Seterusnya, Sulat iaitu sulaman yang dibuat mengikut motif dan corak pada pakaian tradisi lelaki dan wanita etnik Tobilung. Sulat biasanya disulam dengan menggunakan benang yang terdiri daripada pelbagai jenis warna di bahagian-bahagian tertentu pada pakaian tradisi. Biasanya motif dan corak Sulat etnik Tobilung berunsurkan tumbuh-tumbuhan, bintang dan bentuk.



**Rajah 3: Langkit (kiri), Sulat (kanan)**

Sehubungan dengan itu, terdapat kursus untuk membuat kraftangan berasaskan manik yang dianjurkan oleh Persatuan Penduduk Kampung Minansad. Kursus tersebut melibatkan wanita yang terdiri daripada golongan ibu-ibu dan para belia.



**Rajah 4: Kursus Membuat Kraftangan Dijalankan di Kampung Minansad**

**(b) Kampung Togudon**

Produk pelancongan utama yang dibangunkan adalah berasaskan tarikan fizikal dan peristiwa seperti tinggalan sejarah. Produk pelancongan yang dibangunkan oleh komuniti tempatan adalah yang dikenali sebagai Eko-pelancongan Kampung Togudon, Tandek, Kota Marudu. Pada 9 September 2019, beberapa penduduk tempatan telah mengadakan mesyuarat bagi menubuhkan ahli jawatankuasa persatuan pelancongan yang terdiri daripada 12 orang penduduk kampung. Tempat pelancongan ini telah beroperasi sepenuhnya dalam sekitar 16 Oktober 2019.

Penglibatan penduduk adalah di kalangan ahli jawatankuasa sahaja dalam membangunkan kemudahan infrastruktur seperti tandas, bilik persalinan, pondok pendaftaran, meja, kerusi dan laluan tangga konkrit. Antara tarikan yang terdapat di kawasan pelancongan adalah Sungai Baliajong, Air Terjun Kolumpisaon, Air Terjun Olompikan Paluw Digung, Gua Luang Mondou dan tinggalan bekas perlombongan batu besi dan gerabak kereta api semasa penjajahan British. Pengunjung dapat merasai pengalaman mandi, berkayak menggunakan rakit, hiking dan menikmati keindahan flora dan landskap semula jadi yang menarik.



**Rajah 5: Ekopelancongan Kampung Togudon**

**(c) Kampung Tonsom**

Bagi kawasan kajian Kampung Tonsom, antara produk pelancongan yang diusahakan oleh komuniti tempatan adalah berasaskan produk hiliran desa iaitu tarikan berasaskan budaya dan



tarikan lain serta tarikan fizikal seperti Bukit Stesen TV. Tarikan utama di kawasan kampung ini adalah produk Kacang Panggang. Produk ini merupakan antara tumpuan dan terkenal di Kota Marudu bahkan pengunjung dari luar daerah. Pemprosesan Kacang Panggang adalah secara tradisional oleh penduduk tempatan. Ia menghasilkan rasa yang berbeza daripada kekacang lain yang banyak dijual di pasaran secara komersial. Gerai tersebut bukan sahaja menjual kacang panggang malah menawarkan produk makanan tempatan yang dipamerkan secara bergantung. Selain itu, di gerai tersebut turut mempunyai produk makanan kebanyakannya merupakan makanan ringan, jeruk, kuih-muih seperti kuih cincin, amplang, sagun, biskut kelapa, kacang telur kerepek dan rempeyek.



**Rajah 6: Pengusaha Gerai Kacang Panggang, Kampung Tonsom**

Di samping itu, tarikan budaya seperti produk pembuatan Simen Ferro dan Hammock. Pembuatan Simen Ferro tersebut diusahakan oleh sepasang suami isteri dari Kampung Tonsom. Simen Ferro sebuah hasil seni ukir bahan kombinasi simen dengan besi (ferus) iaitu merupakan struktur yang terdiri daripada campuran pasir, simen dan air yang dilepa nipis pada jejaring dawai keluli. Seni ukir ini biasanya terdiri daripada meja, kerusi dan pasu bunga yang dapat mencantikkan lagi kawasan landskap di kawasan rumah. Menurut pengusaha produk, pembeli bukan sahaja daripada penduduk tempatan bahkan juga dari luar negeri. Manakala, pembuatan Hammock merupakan produk yang diusahakan oleh seorang wanita dengan menggunakan tali rafia.



**Rajah 7: Pengusaha Produk Simen Fero (Kiri) Dan Pembuatan Hammock (Kanan)**

Bukan itu sahaja, produk berasaskan tarikan fizikal juga terdapat di kawasan Kampung Tonsom seperti Bukit Pancaran (Stesen TV). Tapak pengembaraan ini belum sepenuhnya diusahakan oleh komuniti tempatan. Walau bagaimanapun, menurut MPKK Tonsom, persatuan penduduk



kampung dalam perancangan untuk mengambil beberapa inisiatif bagi membangunkan produk pelancongan tersebut dengan lebih holistik.

#### (d) Kampung Tulid

Kampung Tulid merupakan sebuah komuniti yang baharu. Majoriti penduduk kampung terdiri daripada golongan berpendapatan sederhana. Secara umumnya, pembangunan produk pelancongan adalah masih baharu dilaksanakan. Pada masa kini, hanya segelintir penduduk tempatan Kampung Tulid telah mengambil inisiatif dalam membangunkan produk pelancongan tersebut. Penubuhan jawatankuasa adalah terdiri daripada beberapa individu bagi membangunkan produk pelancongan. Produk utama pelancongan bagi kawasan kampung tersebut adalah Tulid Matunggong Rivercruise. Antara pakej pelancongan yang ditawarkan adalah memancing, menikmati keindahan hidupan paya bakau dan hutan simpan Teluk Marudu, melihat kelip-kelip pada waktu malam, berkhemah, berkayak, menelusuri Sungai Langkon ke Teluk Marudu serta melawati Pulau Matunggong.

Kawasan Teluk Marudu adalah terletak di bahagian utara Sabah yang merangkumi tiga buah daerah utama, iaitu Kudat (tanjung sebelah kiri), Kota Marudu (tengah) dan Pitas (tanjung sebelah kiri). Kawasan ini telah wujud sekitar 500 tahun yang lalu berdasarkan bukti daripada penelitian catatan peta lama Eropah (Any, 2017). Terdapat beberapa batang sungai yang besar terletak di lingkungan kawasan Teluk Marudu. Sungai Langkon merupakan sungai besar di Teluk Marudu sehinggakan menurut sejarah, ia dijadikan sebagai lokasi penempatan dan kubu pertahanan oleh keturunan kesyarifan pada masa lalu.



**Rajah 8: Ekopelancongan Kampung Tulid**

#### **Pembuat Keputusan / Pemimpin Projek / Ahli Jawatankuasa Persatuan Pelancongan**

Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa perancangan dan pembangunan pelancongan di Daerah Kota Marudu berdasarkan model *top-down*. Struktur institusi dibentuk untuk memastikan kerajaan mempunyai kawalan terhadap industri pelancongan. Di Kota Marudu, agensi kerajaan utama yang bertanggungjawab untuk pembangunan pelancongan adalah Lembaga Pelancongan Sabah. Projek pembangunan pelancongan utama di Kota Marudu adalah hasil dari kerjasama antara kerajaan dan agensi bukan kerajaan, pihak berkepentingan tempatan serta sebilangan penduduk tempatan.

Secara umumnya, Bahagian Produk Pelancongan Luar Bandar di bawah Lembaga Pelancongan Sabah adalah satu jabatan yang akan meninjau potensi produk yang terdapat di kawasan pelancongan serta merangka pelbagai inisiatif termasuk memberi bimbingan kepada komuniti tempatan dalam membangunkan potensi produk tersebut.

Dalam konteks pelancongan luar bandar di Kota Marudu Sabah, terdapat Majlis Tindakan Pelancongan Daerah Kota Marudu yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Majlis ini dianggotai oleh jabatan atau agensi kerajaan seperti Lembaga Pelancongan Sabah, Taman-Taman Sabah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Air, Majlis Daerah, Jabatan Kesihatan, Jabatan Perhutanan dan pengusaha pelancongan. Bermesyuarat secara berkala untuk membincangkan masalah, isu dan perancangan pembangunan Pelancongan Luar Bandar di Daerah Kota Marudu.

Selain itu, Persatuan Pelancongan Daerah Kota Marudu (KOMTDA) berperanan dalam lima teras utama iaitu sebagai satu mekanisme pembangunan pelancongan, penganjuran acara dan program, membantu untuk mempromosi produk, membangunkan produk pakej pelancongan yang ada serta membela kebajikan ahli persatuan. Dari aspek pembangunan, KOMTDA telah bekerjasama dengan Lembaga Pelancongan Sabah, Majlis Tindakan Pelancongan Daerah Kota Marudu serta Taman-Taman Sabah untuk membangunkan produk pelancongan di daerah tersebut. Sebagai contoh, hasil daripada kerjasama pembangunan adalah produk pelancongan Geopark dan Festival Kota Marudu. Selain itu, terdapat penganjuran program dan pameran seperti *rural tourism roadshow* sama ada di dalam negeri dan luar negara dalam mempromosikan produk pelancongan daerah.

Di samping itu, terdapat jawatankuasa persatuan pelancongan luar bandar di beberapa kampung telah ditubuhkan. Persatuan tersebut telah ditubuhkan bagi kawasan kampung yang melaksanakan pembangunan produk pelancongan. Dalam konteks kajian ini, hanya tiga buah kampung yang mempunyai persatuan pelancongan iaitu Kampung Minansad, Kampung Togudon dan Kampung Tulid.

Secara keseluruhannya, dalam konteks Kota Marudu, Bahagian Produk di bawah Lembaga Pelancongan Sabah menjadi satu badan iaitu berperanan untuk membantu pihak MTPKM dan KOMTDA dalam membangunkan produk pelancongan luar bandar.

## **Perbincangan**

### **Kesedaran Komuniti Tempatan**

Tarikan destinasi pelancongan bukan sahaja bergantung kepada daya alam semula jadi, budaya serta promosi yang dilakukan, malah ia juga bergantung terhadap kesediaan dan kesedaran komuniti untuk menerima, mengurus dan melayan pelancong yang datang. Menurut daripada kajian Byrd et al. (2008) menjelaskan bahawa salah satu cabaran utama dalam pembangunan pelancongan luar bandar adalah penyertaan masyarakat. Beberapa penyelidik menunjukkan bahawa sokongan penduduk terhadap pelancongan adalah asas bagi kejayaan penglibatan penduduk dalam pembangunan pelancongan luar bandar.

Secara keseluruhannya, kesedaran komuniti tempatan menunjukkan pada tahap yang baik namun perlu adanya sokongan daripada pihak berkepentingan dalam membantu membangunkan produk pelancongan yang ada di Kota Marudu. Hal ini turut dibincangkan oleh Lekaota (2014) yang mana perlunya kerjasama oleh pihak kerajaan, sektor swasta dan komuniti untuk menjayakan pelancongan luar bandar. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, kebanyakan responden memilih untuk bersetuju terhadap komuniti tempatan perlu diberikan kemahiran dalam mengusahakan produk pelancongan luar bandar di Kota Marudu. Menurut Chin et al. (2004), pengetahuan dan kemahiran teknikal yang tidak mencukupi antara faktor yang menyebabkan mereka gagal memulakan perniagaan atau perusahaan produk pelancongan. Oleh

itu, adalah perlu kerajaan harus menggembeleng tenaga dan usaha untuk menyediakan platform untuk mereka mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi dalam pembangunan pelancongan agar tidak berlaku pelebaran jurang pengetahuan antara masyarakat tempatan (Butler & Hinch, 2007).

Di samping itu, majoriti responden adalah bersetuju dengan komuniti tempatan perlu diberikan sokongan dalam bentuk kewangan dalam mengusaha produk pelancongan luar bandar di Kota Marudu. Menurut kaji selidik yang dijalankan, kebanyakan responden menyatakan masalah utama dalam mebangunkan produk pelancongan adalah disebabkan oleh kekurangan modal. Kajian oleh Yahaya (2008), menyatakan kekangan kewangan dalam kalangan komuniti yang berpendapatan rendah antara masalah dan cabaran dalam pembangunan pelancongan di desa adalah disebabkan. Oleh itu, pihak kerajaan, swasta atau NGO perlu mengambil inisiatif dalam memberi suntikan modal atau memberi insentif serta bantuan dana agar komuniti tempatan berpeluang untuk mengambil bahagian dalam semua peringkat pembangunan (Dyer, 2007).

### **Penglibatan Komuniti Tempatan**

Komuniti tempatan perlu mempunyai usaha dan kerjasama yang tinggi dalam memberi sokongan penuh terhadap pembangunan produk pelancongan luar bandar Kota Marudu. Penglibatan komuniti tempatan adalah penting untuk memanfaatkan peluang yang ada seperti memajukan produk pelancongan yang berpotensi dibangunkan di kawasan Kota Marudu. Kejayaan perancangan adalah memerlukan penglibatan komuniti tempatan secara menyeluruh dalam sesebuah pembangunan pelancongan. Hal ini turut dibincangkan dalam model Khairul (2016). Prinsip pelancongan luar bandar yang berdaya saing memerlukan program pembangunan pelancongan yang menitik beratkan penglibatan komuniti tempatan. Penglibatan komuniti tempatan adalah salah satu konsep yang menekankan kerjasama antara penduduk di peringkat akar umbi dengan penggerak program yang berpotensi untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat (Rasoolimanesh et al., 2018).

Penglibatan aktif adalah komuniti tempatan terlibat secara terus dalam membangunkan produk pelancongan seperti mengusaha dan mengendali produk pelancongan serta terlibat untuk membuat keputusan. Contohnya, pengusaha produk pelancongan, pekerja perkhidmatan pelancongan serta sebagai pembuat keputusan, pemimpin projek dan ahli jawatankuasa persatuan pelancongan. Sebahagian daripada responden terlibat secara langsung dalam pembangunan produk pelancongan seperti pengusaha produk pelancongan iaitu berniaga kacang panggang (gerai kacang di Kampung Tonsom) serta kraftangan dan jagung bakar di Kampung Mangaris. Selebihnya, sebagai pengusaha homestay, rumah tradisi, resort, aktiviti pengembaraan (hiking) dan aktiviti lain seperti memancing serta berkayak bagi. Kebanyakan mereka ini adalah kumpulan yang terlibat dalam projek pembangunan melalui inisiatif masing-masing tanpa penglibatan institusi luaran. Rata-rata penduduk mengatakan mereka akan meneruskan hasrat untuk menajalankan aktiviti perusahaan jika mereka berpeluang iaitu dari segi kemampuan, modal, latihan dan juga ruang.

Manakala, penglibatan pasif adalah komuniti tempatan yang terlibat dan dikatakan membantu secara tidak langsung dalam membangunkan produk pelancongan. Sebahagian daripada responden adalah tidak melibatkan diri secara langsung dalam pembangunan produk pelancongan. Misalnya, mereka ini menjadi pemerhati, membantu menyediakan keperluan dalam mempersembahkan produk pelancongan seperti penyediaan makanan tradisi di bagi program homestay. Menurut informan, proses penglibatan komuniti tempatan dalam sesuatu

aktiviti yang baharu bukanlah suatu perkara yang mudah. Penglibatan mereka bergantung kepada minat, adanya peluang serta kemampuan yang dimiliki oleh mereka. Persediaan penduduk melibatkan diri dalam perubahan elemen ekonomi, sosial dan persekitaran dengan pelancong berdasarkan penilaian yang dibuat oleh mereka (Yahaya, 2008).

### **Kesimpulan**

Pembangunan pelancongan luar bandar adalah suatu platform penting yang boleh digunakan untuk memperkasa komuniti tempatan dalam sektor ini yang banyak didominasi oleh pihak swasta, ahli politik dan usahawan luar. Kota Marudu memiliki kepelbagaian tarikan pelancongan budaya, alam sekitar dan aktiviti harian serta festival yang dijalankan oleh komunitinya. Kebanyakan tarikan ini terletak di kawasan luar bandar yang dihuni oleh penduduk yang majoritinya sebagai petani dan nelayan pula di kawasan pesisir pantai. Pembangunan produk pelancongan di Kota Marudu memerlukan penglibatan oleh komuniti tempatan secara holistik. Penglibatan ini pula didorong oleh kesedaran yang tinggi dalam kalangan komuniti tempatan. Sekiranya komuniti tempatan mempunyai sedikit kesedaran dan pengetahuan mengenai pelancongan luar bandar maka perkara tersebut menjadi penghalang penglibatan mereka dalam industri tersebut terutamanya di kawasan berlakunya pembangunan pelancongan.

Pengetahuan dan kesedaran yang terhad dalam kalangan komuniti tempatan menyebabkan berlaku beberapa isu, seperti pelebaran jurang pengetahuan antara masyarakat tempatan dan pembuat keputusan. Pihak kerajaan harus menggembeleng tenaga dan usaha untuk meningkatkan kesedaran kepada komuniti terhadap pembangunan pelancongan. Tambahan itu, beberapa institusi yang proaktif dan dinamik dalam usaha mempromosikan pelbagai tarikan pelancongan seperti ekopelancongan, agropelancongan serta homestay, ia adalah suatu peluang keemasan kepada penduduk sekitar untuk terlibat aktif dalam membangunkan sumber budaya dan alam sekitar seterusnya menjadi usahawan pelancongan. Pelbagai cabaran dan isu yang dihadapi oleh mereka perlu ditangani secara berintegrasi dan holistik melalui bantuan dan sokongan pihak berwajib terutamanya Lembaga Pelancongan Sabah (STB), Majlis Tindakan Pelancongan Kota Marudu (MTPKM) serta Persatuan Pembangunan Pelancongan Kota Marudu (KoMTDA) sekali gus merealisasikan Kota Marudu sebagai ikon pelancongan luar bandar yang berdaya saing di Sabah khususnya dan Malaysia amnya.

### **Rujukan**

- Any Farina Manzes. (2017). Teluk Marudu berdasarkan catatan peta Alexander Dalrymple. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, 1(1), 77-86.
- Aytuq, H., K. & Mikaeli, M. (2017). Evaluation of Hopa's rural tourism potential in the context of European Union Tourism Policy. *Procedia Environmental Sciences*, 37, 234-245.
- Butler, R. & Hinch, T. (2007). *Tourism and Indigenous People: Issues and Implications*. USA: Butterworth-Heinemann.
- Byrd, E. T., et al. (2008). Factors of stakeholder understanding of tourism: The case of Eastern North Carolina. *Tourism and Hospitality Research*, 8 (3), 192 - 204.
- Chin, C. H., et al. (2014). Rural tourism destination competitiveness: A study on Annah Rais Longhouse Homestay, Sarawak. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 144, 35-44.
- Dyer, P., et al. (2007). Structural modeling of resident perceptions of tourism and associated development on the sunshine Coast, Australia. *Tourism Management*, 28(2), 409-422.
- Hausman, D., M. (2001). Ecotourism. *International Encyclopedia of the Social & Behavioral Sciences*, 9, 4165-4167.

- Kementerian Kewangan Malaysia. (2020). *Ringkasan Belanjawan 2021*. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- Khairul Hisyam. (2016). *Introduction to Sustainable Community based Rural Tourism*. Johor: UTM.
- Lembaga Pelancongan Sabah. (2019). *Pelancongan Luar Bandar Sabah*. Lembaga Pelancongan Sabah.
- Lekaota, L. (2014). *Perception on local communities' role and awareness in rural tourism development: A case study from Lesotho*. Tesis Kedoktoran (PhD). University of Pretoria.
- Nair, V., Munikrishnan, U. T., Rajaratnam, S. D. & King, N. (2015). Redefining rural tourism in Malaysia: A conceptual perspective. *Asia Pacific Journal of Tourism Research*, 23(3), 314-337.
- Pretty, J. (1995). The many interpretations of participations. *Focus*, 16, 4-5.
- Rasool manesh, S., et al. (2018). Community involvement in rural tourism: A case of Kinabalu National Park, Malaysia. *Anatolia*, 29(3), 337-350.
- Tosun, C. (1999). Towards a typology of community participation in the tourism development process. *International Journal of Tourism and Hospitality*, 10, 113-134.
- Veal, A., J. (2006). *Research Methods for Leisure and Tourism. 3rd Edition*. London: Prentice Hall.
- Yahaya Ibrahim. (2008). *Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.